

## Tiada lagi bidaan manual

---

**Putrajaya** : Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan memperluaskan pelaksanaan Sistem Bidaan Nombor Pendaftaran Kenderaan Dalam Talian (JPJeBid) ke JPJ Wilayah Persekutuan (WPKL) mulai 21 Jun ini.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata, sehubungan itu, mulai 21 Jun ini tiada lagi bidaan secara manual bagi semua nombor pendaftaran kenderaan di JPJ WPKL kerana ia hanya boleh dibuat melalui sistem JPJeBid. Katanya, ia akan dimulakan dengan nombor pendaftaran kenderaan siri VDN yang mana bidaan akan dibuka selama lima hari dari jam 12 tengah malam bermula 21 Jun ini hingga 11.59 malam pada 25 Jun.

“Keputusan akan diumumkan pada 26 Jun, pada 12 tengah hari. Sehubungan itu, pendaftaran boleh dilakukan di portal <https://jpjebid.jpj.gov.my> atau aplikasi mudah alih JPJeBid.

“Ia terbuka kepada warganegara dan penduduk tetap Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas serta perniagaan atau syarikat yang berdaftar.

“Bagaimanapun, orang awam atau syarikat yang tidak pernah mempunyai rekod di sistem rekod mysiakap seperti rekod kenderaan, lesen atau saman dikehendaki membuat pendaftaran terlebih dahulu dimana-mana pejabat JPJ negeri atau cawangan nya kecuali Pusat Transformasi Bandar (UTC),” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Loke berkata, harga bidaan JPJeBid adalah mengikut harga minimum membabitkan beberapa kategori yang mana bagi kategori nombor bernilai utama ialah RM20,000.00 dan kenaikan bidaan minimum adalah RM1,000.00 iaitu pada kadar lima peratus,: katanya.

Bagi nombor menarik harga minimum adalah RM3,000.00 dan kenaikan bidaan minimum RM150 nombor popular (harga minimum RM800 dan kenaikan bidaan adalah RM40) dan nombor biasa (harga minimum RM300 dan kenaikan bidaan minimum adalah RM15).

“Kaedah pembayaran bidaan dalam JPJeBID adalah hanya menggunakan kad kredit dan kad debir tempatan dan tiada sekatan untuk melakukan bidaan.

“Bagaimanapun, setiap individu hanya layak untuk memenangi maksimum tiga nombor kenderaan, manakala bagi perniagaan atau syarikat tidak melebihi lima nombor kenderaan, katanya.